

13/05/2002

KLCI

KONTRAK hadapan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) di Bursa Derivatif Malaysia (MDEX) mungkin menjejaki prestasi pasaran tunai dan Wall Street untuk mendapatkan arah minggu ini.

Seorang penganalisis berkata, pasaran tunai berpotensi meningkat minggu ini manakala lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Amerika Syarikat memberi rangsangan kepada sentimen.

Lawatan tersebut memberi harapan yang pelaburan AS ke Malaysia akan meningkat.

Seorang penganalisis lain berkata, ketidakpastian mengenai prestasi Wall Street mungkin menghalang pasaran daripada meningkat.

"Pelabur perlu diyakinkan tentang prestasi Wall Street. Jika tidak, mereka tidak akan memasuki pasaran," katanya.

Secara perbandingan Jumaat ke Jumaat, kontrak bulan semerta Mei turun 7.1 mata dan ditutup pada 798.9 manakala kontrak bulan Jun susut 7.2 mata dan ditutup pada 804.4.

Jumlah dagangan meningkat kepada 3,619 lot daripada 5,207 lot pada minggu sebelumnya.

Indeks Komposit tunai ditutup pada 788.54, turun 6.12 mata daripada 794.66 minggu lalu.

(END)